Volume: 7 Issues: 47 [September, 2022] pp. 364 - 376
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074734

# TINJAUAN ADAT KEMATIAN ETNIK SULUK DI DAERAH KUDAT, SABAH DARI ASPEK KEPATUHAN SYARIAH

## *OVERVIEW OF SULUK ETHNIC DEATH RITES IN THE DISTRICT OF KUDAT, SABAH FROM THE ASPECT OF SYARIAH COMPLIANCE*

**Habibah @ Artini Ramlie[1]**
**Earnie Elmie Hilmi[2]**
**Saifulazry Mokhtar[3]**
**Mohd. Sohaimi Esa[4]**

[1]Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(Email: habibah_artini@ums.edu.my)
[2]Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(Email: earnie@ums.edu.my)
[3]Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my)
[4]Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(Email: msohaimi@ums.edu.my)

**Article history**
**Received date** : 20-6-2022
**Revised date** : 21-6-2022
**Accepted date** : 19-9-2022
**Published date** : 6-10-2022

**To cite this document:**
Ramlie, H. A., Hilmi, E. E., Mokhtar, S., & Esa, M. S. (2022). Tinjauan Adat Kematian Etnik Suluk Di Daerah Kudat, Sabah Dari Aspek Kepatuhan Syariah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 364 - 376.

---

**Abstrak:** *Kematian merupakan fasa akhir dalam kehidupan manusia di dunia dan pasti dialami oleh setiap makhluk bernyawa. Terdapat pelbagai tafsiran, adat resam dan kepercayaan antara individu mahupun kelompok masyarakat dalam berhadapan dengan situasi kematian. Etnik Suluk di Sabah juga mempunyai kepercayaan dan adat tersendiri yang diwarisi daripada nenek moyang. Sehingga ke hari ini, adat yang diwarisi tersebut masih ada yang diamalkan oleh sesetengah etnik Suluk. Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah meninjau adat kematian etnik Suluk di daerah Kudat, Sabah dari aspek kepatuhan syariah dan membuat penilaian berdasarkan perspektif Islam terhadap status pengamalan adat-adat tersebut. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif menerusi kaedah temu bual. Walaupun etnik Suluk tertumpu di kawasan pantai timur Sabah, data kajian dikumpulkan berdasarkan maklumat sebelas orang informan dari kalangan etnik Suluk di daerah Kudat, Sabah untuk dapatan kajian yang lebih pelbagai. Hasil kajian mendapati terdapat adat kematian etnik Suluk di daerah Kudat yang bercanggah dengan syarak kerana mengandungi unsur-unsur khurafat. Justeru kajian ini diharap dapat membuka ruang untuk mengubahsuai atau menghapuskan terus adat serta amalan tersebut agar selari dengan aspek kepatuhan syariat dan ajaran Islam di samping membanteras adat serta amalan yang bertentangan dengan akidah.*

**Kata Kunci:** *Adat, Kematian, Etnik Suluk, Kepatuhan Syariah*

Volume: 7 Issues: 47 [September, 2022] pp. 364 - 376
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074734

**Abstract:** *Death is the final phase in man's life on earth, and a certainty for all living souls. Various interpretations, traditions and beliefs in managing deaths exist among individuals and societal groups. The Suluk ethnic group in Sabah likewise adheres to beliefs and specific rites passed down through the generations. Some of these traditions are still observed today by some among the community. This study therefore sought to examine the death rites practised by the Suluk community in Kudat, Sabah from the perspectives of syariah compliance, and evaluate these based on Islamic perspectives pertaining to the status of these practises. This study employed the qualitative approach by means of the interview method. Although the Suluk ethnic community is largely concentrated in the East Coast of Sabah, data for this study was derived from 11 Suluk informants located in Kudat District for the purpose of diversity of information. Findings point to the death rites as observed by the Suluk community in Kudat as being non-compliant since it included elements of khurafat. This study hopes to provide a starting point for adjustment or outright eradication of these non-compliant practices to ensure the community's adherence conforms to syariah and Islamic teaching, and at the same time eradicate the traditions and rites that contradict akidah.*

**Keywords:** *Tradition, Death, Suluk Ethnic, Syariah Compliance*

---

## Pengenalan

Peristiwa kematian berlaku setiap saat sepanjang zaman sehingga dunia berakhir. Sepertimana kelahiran yang merupakan proses awal kehidupan manusia disambut dengan pelbagai cara dan mekanisme mengikut pegangan, cara hidup serta budaya setempat, demikian juga apabila berlakunya peristiwa kematian. Hal ini kerana kematian adalah sesuatu perkara menyedihkan yang memutuskan hubungan di antara manusia hidup dengan manusia yang meninggal dunia. Ia juga menandakan berakhirnya hubungan seorang manusia dengan perkara duniawi. Oleh itu, wujud pelbagai tafsiran, adat resam dan kepercayaan dalam mendepani situasi kematian. Etnik Suluk di daerah Kudat, Sabah juga mempunyai amalan tersendiri dalam mengurus kematian. Walaupun agama Islam merupakan agama yang dianuti oleh etnik Suluk (Awang Long, Zainal & Cheang, 2018; Jakum, 2017; Thomas, 1968), namun tidak dapat dinafikan segelintir etnik Suluk masih mengamalkan adat tradisi yang diwarisi sejak turun temurun (Awang Long et al., 2018) termasuklah dalam aspek mengurus kematian. Etnik Suluk sangat menitikberatkan hal yang berkaitan dengan adat-adat dan pantang larang dalam urusan pengurusan berkaitan kematian. Mereka mempercayai bahawa pengurusan jenazah yang baik akan menyenangkan si mati walaupun si mati telah meninggal dunia.

## Tinjauan Literatur

Etnik Suluk adalah salah satu dari berpuluh-puluh etnik yang terdapat di Sabah dan berstatus bumiputera (Maraining, Othman, Radzi & Abdul Rahim., 2018; Tarsat, 2007). Komposisi tertinggi etnik Suluk di Sabah adalah di daerah Sandakan, Kota Kinabalu dan Lahad Datu selain di daerah Kudat, Tuaran serta Penampang (Bebit & Amat, 2019; Awang Long et al., 2018; Rashid 2015). Dalam aspek kematian etnik Suluk secara umum, kajian oleh Bebit dan Amat (2019) menyatakan bahawa adat-adat kematian wajib dilaksanakan untuk mengelakkan 'ketulahan' (kemudaratan) kepada pihak keluarga si mati. Jenazah si mati akan diurus secara muafakat antara keluarga dan sahabat handai sehingga selesai upacaca pengebumian. Selepas upacara pengebumian, ahli keluarga si mati akan berkabung selama tujuh hari tujuh malam dengan membaca al-Quran sehingga tamat sebanyak 30 juzuk di hadapan 'kulangan' (tempat tidur si mati) bersama nyalaan lilin pada empat penjuru di kawasan kulangan. Pada malam pertama hingga malam yang ketiga, aktiviti atau adat 'magjaga-jaga' atau berjaga-jaga

Volume: 7 Issues: 47 [September, 2022] pp. 364 - 376
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074734

dilakukan oleh keluarga terdekat bagi menghalang makhluk halus dan binatang buas mengganggu serta merosakkan kubur si mati. Keluarga si mati juga akan mengadakan kenduri secara berfasa bermula malam pertama, malam ketiga dan seterusnya majlis kenduri malam ketujuh dengan pengisian bacaan ayat suci al-Quran. Pada hari ketujuh, barang-barang si mati akan dibawa ke kawasan kubur.

Selain itu, kajian turut dijalankan oleh Mokhtar dan rakan-rakan (2021, 2022) untuk mengenal pasti adat serta ritual etnik Suluk di Sandakan, Sabah apabila berlakunya kematian dan pasca kematian. Kajian tersebut meninjau pengamalan adat dan ritual kematian yang diadakan menurut perspektif Islam. Informan kajian adalah dalam kalangan penduduk veteran serta golongan pemimpin agama yang beragama Islam di tiga lokasi dalam daerah Sandakan iaitu Kampung Bokara, Kampung Bahagia dan Kampung Bambangan. Dapatan kajian berkenaan mendapati terdapat beberapa bentuk ritual kematian etnik Suluk di Sandakan yang terdiri daripada lapan adat semasa berlakunya kematian dan tujuh adat yang diamalkan pasca kematian. Antara adat tersebut adalah adat 'panubingan', adat 'balu-balu', adat 'memandikan jenazah', adat 'perasapan', adat 'mengkafankan jenazah', adat 'usungan', adat 'pengebumian', adat 'pantang-larang', adat 'bersedekah', adat 'memijak abu', adat 'kulangan', adat 'magjaga-jaga', adat 'menyediakan dulang', adat 'majlis kenduri' dan adat 'sambutan hari kematian'. Kajian tersebut secara tidak langsung menemui beberapa adat dan ritual yang diamalkan oleh etnik Suluk di Sandakan yang selari dengan ajaran Islam dan adat yang jelas bertentangan dengan syariat Islam. Tidak banyak kajian yang dijalankan berkaitan adat kematian etnik Suluk di Sabah dan pengkaji tidak menemukan literatur berhubung tinjauan adat kematian etnik Suluk di daerah Kudat secara khusus melainkan beberapa kajian tentang adat kematian etnik lain di Sabah seperti etnik Bajau (Mokhtar, 2020; Marinsah, Hajimin & Ramli, 2019), etnik Sungai (Nasir, Kamarul Zaman & Mamat, 2019), etnik Ubian (Sahibil, 2016) dan etnik Dusun (Petrus Atin, 2011). Kesemua penulisan tersebut membicarakan keunikan tersendiri adat-adat setiap etnik yang menjadi fokus kajian dalam mengurus kematian.

**Metodologi**

Metodologi kajian merupakan satu mekanisme yang digunapakai untuk mencapai objektif kajian. Dalam kajian ini, pengkaji mengadaptasi kaedah kualitatif untuk mendapatkan hasil kajian. Data primer diperolehi melalui kaedah temu bual manakala data sekunder pula didapati menerusi kajian perpustakaan khususnya kajian-kajian lepas berkaitan adat kematian etnik Suluk. Kajian ini dijalankan pada 23 Julai 2021 sehingga 04 Ogos 2021 di beberapa lokasi di daerah Kudat, Sabah. Semasa kajian lapangan dilakukan, Malaysia masih berada dalam situasi pandemik dan tidak ada pemerhatian terhadap upacara kematian dapat dilakukan mengikut standard prosedur pihak berkuasa. Oleh itu, kaedah temubual bersama informan dijalankan secara bersifat luas dan terbuka. Tujuannya adalah untuk membolehkan para informan berkongsi pengetahuan dan pengalaman tanpa terikat dengan keterbatasan masa bagi membolehkan pengkaji meperolehi maklumat yang dikehendaki (Jasmi, 2012).

Oleh kerana pengkaji tidak mengamati kejadian serta kegiatan yang dikaji secara langsung, maka kemungkinan timbulnya pemalsuan, penipuan serta berlebih-lebihan dalam keterangan dan penyimpangan fakta boleh berlaku. Pengkaji mengatasi perkara ini dengan menetapkan 11 orang informan dari pelbagai latar belakang walaupun terdapat kajian menyatakan jumlah informan kaedah temubual adalah memadai seramai tiga sehingga lima orang sahaja bagi temubual yang tidak berbentuk temubual kumpulan fokus (Jasmi, 2012). Informan kajian ini dipilih dari kalangan orang-orang berpengalaman dengan adat etnik Suluk berusia antara 43 tahun sehingga 79 tahun yang boleh memberikan maklumat diperlukan menerusi pengalaman

Volume: 7 Issues: 47 [September, 2022] pp. 364 - 376
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074734

serta kematangan mereka (Creswell, 2012). Dengan kata lain, informan kajian ditetapkan berdasarkan pengetahuan serta pengalaman mereka dalam mengamalkan adat tradisi etnik Suluk khususnya dalam adat kematian. Perkara ini juga sebagaimana yang diterangkan oleh Jasmi (2012) yang menganjurkan pengkaji untuk menemubual orang yang akrab atau mengenal suatu topik atau peristiwa. Justeru dalam hal ini, apa yang disebutkan oleh para informan merupakan data penting kajian walaupun mungkin terdapat beberapa jurang maklumat kerana perbezaan pengalaman antara para informan.

Sebelum temubual dijalankan, semua informan dihubungi terlebih dahulu bagi memaklumkan jemputan sebagai informan kepada mereka. Para informan kemudian ditemui secara bersemuka untuk mendapatkan persetujuan secara bertulis dan penetapan hari serta masa temubual. Semasa sesi temubual dijalankan, soalan yang dibina berpandukan kajian-kajian lepas diajukan kepada semua informan dan setiap maklumbalas informan dirakamkan menggunakan bahan audio. Tujuannya adalah untuk mendapatkan kefahaman tentang perlakuan masyarakat berdasarkan perbualan dan pengucapan mereka (Darusalam & Hussin, 2016). Perbualan sepanjang temubual adalah dalam loghat Sabah dengan lenggok etnik Suluk. Setelah temubual selesai dijalankan, rakaman audio temubual ditranskripkan dalam bentuk verbatim (perkataan demi perkataan dan ayat demi ayat) dan transkrip dapatan kajian disesuaikan serta dimurnikan mengikut laras bahasa Melayu. Pengkaji seterusnya memilih setiap unit yang ditranskripsi untuk dikelompokkan di bawah tema atau kategori tertentu tertentu berpandukan dapatan kajian-kajian lepas bagi tujuan validasi setiap kategori atau tema yang dihasilkan.

**Dapatan Kajian**

Islam telah menggariskan beberapa tatacara apabila mengurus kematian. Antaranya adalah memandikan, mengkafankan, menyembahyangkan dan mengebumikan jenazah. Dapatan kajian ini menunjukkan etnik Suluk turut mengamalkan ketetapan tersebut sebagaimana yang dinyatakan oleh para informan kajian ;

> *'Si mati akan dimandikan, dikafankan, disembahyangkan dan dikebumikan'*
>
> (Informan 1).

> *'Si mati akan dimandikan, dikafankan, disembahyangkan dan dikebumikan. Kain sarung disediakan untuk melapisi si mati dan diberikan kepada setiap orang yang mengangkat si mati'*
>
> (Informan 3).

> *'Cincin emas perlu diberikan pada orang yang memandikan si mati. Proses memandikan sehingga dikebumi tetap sama'*
>
> (Informan 4).

> *'Si mati akan dimandikan, dikafankan, disembahyangkan dan dikebumikan. Perlu ditentukan orang-orang yang betul pandai memandikan jenazah serta perlu ada empat orang untuk memandikan jenazah yang mempunyai peranan masing-masing dalam memandikan anggota badan jenazah. Cincin emas akan diberikan sebagai tanda sedekah anak si mati pada orang yang telah memandikan si mati. Sebelum si mati diturunkan dari rumah untuk dikebumikan, waris perlu menyediakan sebentuk cincin tanda sedekah kepada imam untuk menutup dosa si mati dan untuk mengelakkan roh kembali ke rumah'*
>
> (Informan 5).

Volume: 7 Issues: 47 [September, 2022] pp. 364 - 376
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074734

Amalan ini adalah selaras dengan tuntutan syariat Islam ke atas orang yang masih hidup ke atas si mati. Etnik Suluk juga akan mengadakan bacaan Yasin serta al-Quran dan kenduri arwah seperti keterangan para informan ;

*'Setelah jenazah dikebumikan, kenduri akan diadakan selama tujuh hari. Ia diikuti dengan kenduri 20 hari, 40 hari dan 100 hari secara besar-besaran'*

(Informan 1).

*'Bacaan Yassin dan al-Quran juga diadakan dalam masa tujuh hari'*

(Informan 2).

*'Kenduri akan dilakukan selama tujuh hari, diselangi dengan sepuluh hari, 20 hari, 40 hari dan 100 hari dengan bacaan Yasin dan al-Qur'an buat si mati'*

(Informan 4).

*'Kenduri tahlil akan diadakan'*

(Informan 5).

*'Majlis akan dihidupkan dengan bacaan Yasin dan al-Quran untuk disedekahkan pada si mati'*

(Informan 6).

*'Kenduri setiap hari selama tujuh hari akan diadakan sama ada waktu pagi atau malam mengikut kesesuaian. Kenduri ini akan diselangi dengan 10 hari, 20 hari, 30 hari, 40 hari, 80 hari dan 100 hari. Acara khatam al-Qur'an akan diadakan pada hari ketujuh kematian tersebut. Ia dilakukan semata-mata untuk momohon doa rahmat dan keberkatan pada si mati agar sentiasa diberkati'*

(Informan 7).

*'Si mati perlu dibacakan doa Yasin dan ayat-ayat suci al-Quran. Kenduri akan dilakukan selama tiga hari, tujuh hari, sepuluh hari, 17 hari, 20 hari dan 40 hari selepas kematian. Kenduri 100 hari kematian juga dijalankan. Semasa kenduri, sayur seperti terung, kacang dan kangkung tidak boleh dimasak'*

(Informan 8).

*'Apabila berlaku kematian, keluarga akan berkumpul dan majlis kenduri akan dijalankan. Pada waktu pagi dan petang imam, akan datang ke rumah membaca doa untuk si mati'*

(Informan 9).

*'Sehingga kini, kenduri tujuh, 20, 40 dan 100 hari masih diamalkan'*

(Informan 10).

*'Kenduri tiga, tujuh, sepuluh 20, 40 dan 100 hari akan diadakan. Mengaji serta membaca al-Quran juga diteruskan tanpa henti. Selesai 30 juz, waris atau keluarga si mati akan memberi sedekah pada mereka yang telah berdoa untuk si mati'*

(Informan 11).

Volume: 7 Issues: 47 [September, 2022] pp. 364 - 376
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074734

Selain itu, etnik Suluk juga akan mengadakan adat 'magjaga-jaga' atau berjaga-jaga. Menurut informan 10, upacara 'magjaga-jaga' atau berjaga-jaga semasa si mati meninggal sehingga selesai kenduri tujuh hari dilakukan dengan harapan roh si mati akan keluar dari rumah.Terdapat beberapa amalan dan tegahan yang dilakukan semasa adat 'magjaga-jaga' ini dilakukan usai berlakunya kematian iaitu ;

> *'Setelah jenazah dikebumikan, adat 'berjaga-jaga' akan diadakan selama tujuh hari. Sepanjang adat 'berjaga-jaga', sayur nangka dan labu merah tidak boleh dimasak dan dihidangkan. Ketika jenazah masih berada di rumah, aktiviti membakar ikan adalah dilarang sama sekali. Barang seperti cawan dan gelas yang terdapat di dalam rumah juga tidak boleh pecah'*
>
> (Informan 1).

> *'Majlis keramaian adalah tidak dibenarkan. Bercermin juga tidak dibenarkan selama 100 hari jika terdapat kematian'*
>
> (Informan 6).

> *'Jika terdapat ahli keluarga yang meninggal, mayat tersebut tidak boleh dilangkah oleh kucing. Ahli keluarga juga tidak boleh menangis jika si mati belum dikebumikan. Cermin juga akan diletakkan di kubur'*
>
> (Informan 8).

> *'Semasa jenazah masih berada di dalam rumah, pinggan mangkuk tidak boleh pecah begitu juga pada ketika kenduri selama seminggu'*
>
> (Informan 9).

> *'Pantang-larang suku etnik Suluk adalah apabila berlaku kematian, mayat tersebut tidak boleh dilangkah oleh kucing. Difahamkan mayat tersebut akan bangkit. Labu merah juga tidak boleh dibawa masuk ke dalam rumah kerana dipercayai ia akan memakan roh'*
>
> (Informan 10).

> *'Kebiasaannya jika berlaku kematian, waris atau keluarga tidak boleh mandi (kecuali jika si mati sudah dikebumikan), tidak boleh makan, bertukang dan tidak memasak labu merah. Kucing juga perlu dijauhkan daripada si mati. Jika si mati meninggal pada waktu petang dan dikebumikan keesokkan harinya, air kapur akan diletakkan di badan si mati supaya mayat si mati tidak berbau dan tidak diganggu mahkluk halus. Si mati juga perlu dijaga sepanjang tempoh tersebut'*
>
> (Informan 11).

Amalan etnik Suluk yang seterusnya dalam adat kematian adalah menyediakan 'bangkai-bangkaian'. Maksud 'bangkai-bangkaian' dinyatakan dalam keterangan para informan seperti berikut ;

> *'Dalam masa tujuh hari, 'bangkai-bangkaian' (yang disediakan dengan tilam, kain si mati dan sebagainya) akan disediakan*
>
> (Informan 2).

Volume: 7 Issues: 47 [September, 2022] pp. 364 - 376
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074734

*'Mengikut adat, pakaian si mati akan di letakkan di atas tilam selama tujuh hari. Selepas seminggu, tilam akan digulung dan disedekahkan kepada orang yang memerlukan'*

(Informan 3).

*'Adat Suluk mempunyai adat 'bangkai-bangkaian', perlu menyediakan tempat tidur bagi si mati selama tujuh hari*

(Informan 4).

*'Bangkai-bangkaian' disediakan selama tujuh hari'*

(Informan 5).

*'Jika seseorang meninggal, pakaian si mati akan dikumpul dan diletakkan di atas tilam untuk dijadikan 'bangkai-bangkaian' selama tujuh hari. 'Bangkai-bangkaian' dipercayai tidak boleh dilangkah oleh kucing kerana boleh mengganggu si mati di dalam kubur. Setelah cukup seminggu, pakaian tersebut akan diagihkan dan disedekahkan kepada yang memerlukan'*

(Informan 6).

*'Adat 'bangkai-bangkaian' (barang-barang si mati dikumpulkan) juga diadakan dan selepas tujuh hari, ia akan disedekahkan kepada imam'*

(Informan 9).

Selain amalan-amalan yang telah dinyatakan, etnik Suluk juga melakukan perkara berikut dalam adat kematian iaitu ;

*'Apabila majlis pengebumian dijalankan, pagar bendera yang disusun secara bertingkat-tingkat dalam angka ganjil akan dikibarkan. Warna dan tingkat bendera ditentukan mengikut kedudukan dan harta si mati. Warna putih untuk rakyat biasa dan warna kuning untuk si mati yang berpangkat'*

(Informan 7).

*'Kain kafan putih akan digunakan untuk dijadikan bendera'*

(Informan 8).

Ringkasnya, adat kematian etnik Suluk di daerah Kudat merangkumi perkara-perakra berikut iaitu i) adat memandikan, mengkafankan, menyembahyangkan dan mengebumikan jenazah, ii) mengadakan bacaan Yasin serta al-Quran dan kenduri arwah, iii) mengadakan adat 'magjaga-jaga' atau berjaga-jaga, iv) menyediakan 'bangkai-bangkaian' serta perkara lain yang berkaitan. Apabila diperincikan, beberapa adat serta kepercayaan etnik Suluk dalam urusan kematian tersebut didapati bertentangan dengan syariat Islam seperti ;

i. Kenduri arwah diadakan dengan penetapan hari-hari khusus dengan larangan memasak makanan tertentu.
ii. Penetapan barang khusus untuk diberikan kepada orang yang memandikan jenazah dan menganggap barang tersebut sebagai sedekah untuk menghapus dosa si mati serta untuk mengelakkan roh kembali ke rumah.
iii. Ahli keluarga si mati tidak boleh mandi, makan, menangis dan sebagainya selagi jenazah belum dikebumikan.
iv. Tidak boleh berlakunya pinggan mangkuk yang pecah di dalam rumah.

Volume: 7 Issues: 47 [September, 2022] pp. 364 - 376
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074734

v. Bercermin tidak dibenarkan selama 100 hari dan cermin akan diletakkan di kubur si mati.
vi. Jenazah akan hidup kembali apabila dilangkah oleh binatang seperti kucing.
vii. Makanan tertentu seperti labu merah akan memakan roh apabila dibawa masuk ke dalam rumah si mati.
viii. Adat 'magjaga-jaga' atau berjaga-jaga dianggap sebagai satu mekanisme untuk menjaga si mati yang telah dikebumikan.
ix. 'Bangkai-bangkaian' untuk si mati (yang disediakan dengan tilam, kain si mati dan sebagainya) perlu disediakan selama tujuh hari. Selepas hari ketujuh, barulah tilam tersebut akan digulung untuk disedekahkan kepada yang memerlukan.
x. 'Bangkai-bangkaian' tersebut tidak boleh dilangkah kerana boleh mengganggu si mati di dalam kubur.
xi. Ketetapan untuk mengibarkan pagar bendera yang disusun secara bertingkat-tingkat dalam angka ganjil semasa majlis pengebunian. Penetapan warna dan tingkat bendera ditetapkan mengikut taraf hidup dan harta si mati. Lazimnya warna kain bendera berwarna putih digunakan untuk golongan berkedudukan tinggi manakala warna putih untuk rakyat biasa. Pagar bendera ini juga dikenali sebagai panji-panji (Bebit & Amat, 2019).

Dapatan kajian tinjauan adat kematian etnik Suluk di daerah Kudat ini juga boleh dirumuskan kepada dua aspek utama iaitu tanggungjawab keluarga si mati dan larangan ke atas keluarga si mati apabila berlakunya kematian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 dan Jadual 2.

**Jadual 1: Tanggungjawab keluarga si mati dalam menyantuni kematian**

| Perkara yang perlu dilakukan |
|---|
| 1. Mengadakan kenduri arwah mengikut bilangan hari-hari tertentu selepas berlakunya kematian. |
| 2. Memberikan barang tertentu kepada orang yang memandikan jenazah. Walaupun diniatkan sebagai sedekah, simboliknya ia dianggap bertujuan untuk menghapuskan dosa si mati. |
| 3. Meletakkan cermin di kubur. |
| 4. Menyediakan 'bangkai-bangkaian'. |
| 5. Melakukan adat 'magjaga-jaga' atau berjaga-jaga . |
| 6. Mengiringi jenazah ke kubur dengan menyediakan pagar bendera atau panji-panji dengan warna kain yang melambangkan kedudukan si mati. |

**Jadual 2: Larangan ke atas keluarga si mati apabila berlakunya kematian**

| Perkara yang tidak boleh dilakukan |
|---|
| 1. Tidak boleh memasak makanan tertentu semasa mengadakan kenduri arwah. |
| 2. Ahli keluarga tidak dibenarkan mandi, makan, menangis dan sebagainya selagi jenazah belum dikebumikan. |
| 3. Tidak boleh berlakunya pinggan mangkuk atau cawan yang pecah di dalam rumah. |
| 4. Tidak boleh bercermin selama 100 hari. |
| 5. Tidak boleh membiarkan kucing melangkah jenazah atau melangkah 'bangkai-bangkaian'. |

Volume: 7 Issues: 47 [September, 2022] pp. 364 - 376
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074734

Adat-adat disebutkan jelas tidak terkandung dalam syariat Islam. Sebaliknya apa yang dituntut apabila berlakunya kematian atau menerima berita kematian adalah mengungkapkan kalimah *istirja'* (*Inna lillahi wa inna ilayhi roji'un - Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali*) dengan mengembalikan semua urusan kepada Allah s.w.t dan menganggap berita kematian adalah ujian untuk dihadapi dengan keimanan (Redha, 1990; Al-Nawawi, 1973). Firman Allah s.w.t dalam ayat 155-156 surah al-Baqarah :

> *'Demi sesungguhnya Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar; (155) (Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata : "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali" (156).*
>
> (Basmeih, 2010).

Seterusnya jenazah perlu diuruskan dengan sebaiknya kerana ia adalah fardu kifayah. Adapun tidak ada ketetapan khusus dalam syarak untuk memberikan barangan tertentu kepada pihak yang menguruskan jenazah melainkan atas budi bicara ahli keluarga si mati sebagai tanda penghargaan dan terima kasih serta jika khidmat pengurusan jenazah dikomersialkan atas sebab-sebab tertentu. Selain itu, kita juga dituntut untuk meringkankan beban keluarga si mati dengan memberikan sedekah serta bantuan mengikut kemampuan serta keperluan. Dalam hal ini, urusan si mati yang belum selesai perlu diutamakan khususnya aspek hutang-piutang, tunggakan nafkah dan sebagainya. Tanggungjawab untuk mengadakan kenduri arwah dan menyediakan 'bangkai-bangkaian' hanya akan memberikan bebanan kepada ahli waris dan keluarga si mati lebih-lebih lagi jika ahli waris dan keluarga yang ditinggalkan bukan golongan yang berkemampuan. Larangan untuk ahli keluarga dari melakukan perkara-perkara harus seperti mandi, makan dan sebagainya juga tidak mempunyai sandaran khusus dalam Islam sebaliknya hanya akan menimbulkan rasa ketidakselesaan kepada ahli keluarga jika ia perlu dilaksanakan secara rigid.

Selain itu, adat 'magjaga-jaga' dengan niat untuk menjaga si mati, mengelakkan roh si mati kembali ke rumah, mengelakkan roh dari bangkit dan seumpamanya perlu diperbetulkan kerana ia adalah perkara khurafat yang dilarang dalam Islam. Perlu ditekankan bahawa tempoh selepas berlakunya kematian adalah tempoh para ahli keluarga masih mengalami kesedihan dan bermulanya tempoh 'iddah kepada isteri si mati. Firman Allah s.w.t dalam ayat 234 surah al-Baqarah :

> *'Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu, sedang mereka meninggalkan isteri-isteri, hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka (ber'iddah) selama empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila telah habis masa 'iddahnya itu, maka tidak ada salahnya bagi kamu mengenai apa yang dilakukan mereka pada dirinya menurut cara yang baik (yang diluluskan oleh syara'). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa jua yang kamu lakukan' (234).*
>
> (Basmeih, 2010).

Volume: 7 Issues: 47 [September, 2022] pp. 364 - 376
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074734

Apabila adat- adat yang dibincangkan dianggap wajib, ia boleh mengganggu ketenteraman ahli keluarga si mati dan dikhuatiri boleh menimbulkan fitnah kepada isteri yang ber'iddah apatah lagi jika kenduri arwah juga mesti dilaksanakan pada masa yang sama. Manakala dalam aspek menyediakan pagar bendera semasa majlis pengebumian, ia juga perlu dielakkan kerana seakan-akan menyamai upacara pengebumian agama lain. Sabda Rasulullah s.a.w :

> *'Barangsiapa yang menyerupai sesuatu kaum, dia adalah daripada kalangan mereka'.*

Hadis di atas adalah riwayat Abu Daud (4031), Ahmad (5114) (5115) (5667), Ibn Abi Syaibah di dalam *Musannaf* (19401), al-Tabarani dalam *al-Mu'jam al-Awsath* (8327), al-Baihaqi dalam *Syu'ab al-Iman* (1154) dan al-Bazzar dalam *Musnad* (2966) yang melarang kita untuk melakukan sebarang amalan menyerupai amalan penganut agama lain (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2018). Apa yang dibolehkan oleh syarak adalah mengiringi jenazah ke kubur. Dalam Sahih Bukhari (Al-Bukhari, 1992) disebutkan :

> *'Muhammad telah menyampaikan kepada kami katanya : Amru Bin Abu Salamah menyampaikan kepada kami daripada Al-Auza'i katanya : Ibn Syihab telah mengkhabarkan kepadaku katanya : Sa'id Bin Musayyab mengkhabarkan kepadaku bahawa Abu Hurairah r.a berkata : Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda : Hak seorang Muslim ke atas seorang Muslim lima perkara : Menjawab salam, menziarahi orang sakit, mengiringi jenazah, memperkenankan jemputan (menrima) dan mendoakan orang yang bersin'.*

Ringkasnya, segala adat dan kepercayaan dalam perkara kematian yang jelas bertentangan dengan syariat Islam perlu dihapuskan kerana ia boleh menjejaskan akidah sekiranya diamal secara berterusan. Sebagai umat Islam, apa juga amalan yang dilakukan perlu mengikut sandaran syarak termasuk dalam pelaksanaan adat-adat dalam kehidupan harian. Segala perlakuan yang diwariskan dari amalan nenek moyang tidak semestinya mengikut landasan agama sebaliknya ia perlulah diperhalusi terlebih dahulu dengan ilmu pengetahuan yang betul berlandaskan akidah. Firman Allah s.w.t dalam ayat 36 surah al-Isra' :

> *'Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya' (36).*
>
> (Basmeih, 2010).

Keutamaan untuk ahli keluaga yang ditinggalkan sebaliknya adalah sentiasa mendoakan si mati agar diampunkan segala dosa. Firman Allah s.w.t dalam ayat 10 surah al-Hasyr :

> *'Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati kami perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah Belas kasihan dan Rahmat-Mu"(10).*
>
> (Basmeih, 2010).

Volume: 7 Issues: 47 [September, 2022] pp. 364 - 376
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074734

Namun begitu, dalam menyantuni berita kematian, etnik Suluk tetap berpegang kepada prinsip nilai-nilai murni bahawa apabila berlaku kematian di dalam kampung atau jiran sekampung, semua masyarakat dalam kampung itu, terutamanya waris atau keluarga terdekat si mati perlu serta-merta meninggalkan segala kerja seharian untuk menziarahi keluarga si mati. Apabila berlaku sahaja kematian, pihak keluarga si mati akan 'maglugu' (menyanyi) dengan suara yang kuat sehingga didengari oleh semua jiran yang berada di tempat kejadian. Lirik lagu mengandungi unsur-unsur pemberitahuan tentang kematian bertujuan memanggil penduduk kampung untuk berziarah. Ia adalah sebagai tanda penghormatan terakhir terhadap si mati dan masing-masing membawa buah tangan seperti wang, beras, ayam, ikan dan sebagainya yang difikirkan perlu sebagai sedekah kepada keluarga si mati (Bebit & Amat, 2019; Tarsat, 2007). Kebiasaan ini amat digalakkan dalam Islam dalam memenuhi tuntutan agama untuk meringankan beban dan mengurangkan kesedihan keluarga si mati. Firman Allah s.w.t dalam ayat 2 surah al-Ma'idah :

> *'..... Dan hendaklah kamu bertolong-tolong untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (ma'siat) dam perncerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)' (2).*
>
> (Basmeih, 2010).

Menurut Al-Maraghi (1946), 'membuat kebajikan' dalam ayat bermaksud melakukan kebaikan secara meluas. Prinsip tolong-menolong ini sebenarnya berkaitrapat dengan sifat perpaduan dan toleransi yang tinggi dalam kehidupan harian etnik Suluk. Walaupun etnik Suluk mengalami perkembangan dari zaman ke zaman, mereka masih mengekalkan pegangan ini dalam kehidupan harian (Ajak & Dino, 2018).

## Kesimpulan

Rumusan keseluruhan menunjukkan etnik Suluk di daerah Kudat, Sabah masih mengamalkan beberapa kepercayaan nenek moyang dalam menyantuni urusan kematian. Adat dan kepercayaan yang tidak bercanggah dengan akidah seperti mengurus jenazah sebaiknya dalam empat perkara yang digariskan oleh Islam seperti memandikan, mengkafankan, menyembahyangkan dan mengebumikan perlulah dikekalkan. Namun segala bentuk amalan yang dipegang tanpa asas dalam syariat Islam seperti yang dirumuskan dalam dapatan kajian hendaklah tinggalkan. Ia dikhuatiri akan membawa pengamalnya kepada perkara khurafat dan syirik apabila mempercayai bahawa pengabaian amalan-amalan tersebut boleh menyebabkan kemudaratan. Dapatan kajian ini bagaimanapun tidak boleh digeneralisasi kepada etnik Suluk yang menetap di daerah lain kerana kajian hanya dilakukan di daerah Kudat sahaja berpandukan maklumat daripada para informan di lokasi kajian. Namun apa yang penting adalah masyarakat perlu sentiasa berhati-hati dalam mengamalkan sebarang adat tradisi dan kepercayaan yang dipegang serta diamalkan agar ia tidak menyalahi hukum syarak dan bertentangan dengan syariat Islam.

## Penghargaan

Kajian ini merupakan sebahagian daripada hasil geran penyelidikan Skim Geran Akulturasi (SGA0079-2019) yang dibiayai Universiti Malaysia Sabah (UMS) bertajuk '*Penelitian Pengaruh Amalan Tradisi Terhadap Sistem Nilai Patuh Syariah Dalam Kalangan Komuniti Etnik Suluk'*. Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang telah memberi peruntukan untuk membiayai penerbitan ini.

Volume: 7 Issues: 47 [September, 2022] pp. 364 - 376
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074734

**Rujukan**

Ajak, M.F., & Dino, N. (2018). Pis lambang masyarakat Suluk. Dlm. Ajak, M.F., & Dino, N. *Pemikiran dan identiti Suluk.* Sabah : Pertubuhan Profesional Suluk Sabah (PROS).

Al-Bukhari, A. A. M. (1992). *Tarjamah min sahih al-Bukhari.* (Jilid 3). Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Al-Maraghi, A.M. (1946). *Tafsir al-Maraghi.* Mesir: Syarikah Maktabah Wamatbaah Mustafa Al-Babe Al-Halabi Wa Auladihi.

Al-Nawawi, Y. S. (1973). *Al-minhaj syarh sahih Muslim bin al-Hajjaj*. Beirut: Dar Ihya' Al-Turath Al-'Arabi.

Awang Long, M., Zainal, S., & Cheang, S.C. (2018). Elemen teater dalam ritual 'Pag Pasahaya Baihu' etnik Suluk daerah Kudat, Sabah. *Jurnal MANU*, 27, 31-46.

Basmeih, A. (2010). *Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Quran (30 Juz).* Kuala Lumpur : Darul Fikir.

Bebit, M. F., & Amat, A. (2019). Budaya etnik Suluk di Sabah. Dlm. Ali, I., Lai, Y.M., & Amat, A. *Kedaulatan negara harga mati: Pencorobohan Sulu dan dampaknya kepada keselamatan pantai timur Sabah.* Kota Kinabalu : Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Creswell, J.W. (2012). *Educational research planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. Fourth Edition. Boston: Pearson.

Darusalam, G., & Hussin, S. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jakum, R. (2017). *Penglibatan pemimpin masyarakat Suluk dalam pembentukan Malaysia (1961-1966).* Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah.

Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatitif. Dalam. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012* at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.

Maraining, A., Othman, Z., Radzi, M., & Abdul Rahim, M. S. (2018). Komuniti Suluk dan persoalan migrasi: 'Sirih pulang ke gagang'. *Jurnal Kinabalu*, 24, 35-55.

Marinsah, S.A., Hajimin, M.N.H, & Ramli, M.A. (2019). Unsur kearifan tempatan dalam adat kematian masyarakat Bajau di Sabah: Analisis dari perspektif hukum Islam. *Jurnal MANU*, 29, 51-69.

Mokhtar, R. (2020). Adat kematian dalam kalangan kumpulan etnik Bajau Laut di Kampung Bangau-Bangau, Semporna, Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 26 (2), 277-293.

Mokhtar, S., Ationg, R., Zulhaimi, N. A., Muda, N., Muis, A. M. R. A., Majumah, A. S. A. R., & Bakar, A. L. A. (2021a). Pengaruh kepimpinan pengamal adat kaum suluk dalam ritual kematian: Satu tinjauan awal di Sandakan, Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* (JISED), 6 (38), 217 - 231.

Mokhtar, S., Thia, K., Yazid, M.T.M., Ramlie, H.A., Muis, A.M.R.A., & Pullong, A. (2022). Adat dan ritual kematian masyarakat Suluk di Sandakan menurut pandangan syarak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* (JISED), 7 (45), 1 - 17.

Nasir, K., Kamarul Zaman, A.R., & Mamat, S. (2019). Pengaruh animisme dalam adat kematian orang Sungai di daerah Pitas, Sabah: Satu tinjauan. *Borneo International Journal*, 1 (3), 1-11.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2018). *Irsyad al-hadith siri ke-302: Syarah hadith tasyabbuh.* https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/2776-irsyad-al-hadith-siri-ke-302-syarah-hadith-tasyabbuh

Petrus Atin, V. (2011). Adat kematian masyarakat Dusun: Peranan kearifan tempatan dalam menangani pertembungan budaya dan agama. Dlm. Mahali, S.N., & Mohd Tamring, B.A. *Pluraliti dalam Kearifan Lokal di Sabah.* Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Volume: 7 Issues: 47 [September, 2022] pp. 364 - 376
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074734

Rashid, M. F. (2016). Kesejahteraan sosial dalam memartabat komuniti Suluk: Ruang dan cabaran. *Jurnal Kinabalu (EJK)*, (20), 81-102.

Redha, M. R. (1990). *Tafsir Al-Manar*. Kaherah: Al-Haiah Al-Misriyyah Al-Ammah lil Kitab.

Sahibil, Z. (2016). Ritual adat korban dalam adat masyarakat Ubian. *Jurnal Gendang Alam* (6), 17-26.

Tarsat, M. (2007). *Institusi pentadbiran pribumi: Satu kajian mengenai Ketua Anak Negeri di Sabah, 1946-1990.* Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah.

Thomas, M.K. (1968). Institutionalized friendship and warfare among the Tausug of Jolo. *Ethnology*, 7 (3), 225-244.

**Temubual Wawancara**

Wawancara bersama Informan 1 pada 27 Julai 2021, bertempat di Kampung Limau-Limauan, Kudat (70 tahun)

Wawancara bersama Informan 2 pada 23 Julai 2021, bertempat di Kampung Limau-Limauan, Kudat (61 tahun)

Wawancara bersama Informan 3 pada 27 Julai 2021, bertempat di Kampung Limau-Limauan, Kudat (79 tahun)

Wawancara bersama Informan 4 pada 23 Julai 2021, bertempat di Kampung Limau-Limauan, Kudat (48 tahun)

Wawancara bersama Informan 5 pada 23 Julai 2021, bertempat di Kampung Limau-Limauan, Kudat (70 tahun)

Wawancara bersama Informan 6 pada 27 Julai 2021, bertempat di Kampung Limau-Limauan, Kudat (66 tahun)

Wawancara bersama Informan 7 pada 23 Julai 2021, bertempat di Kampung Milau, Kudat (43 tahun)

Wawancara bersama Informan 8 pada 04 Ogos 2021, bertempat di Kampung Tanjong Kapor, Kudat (50 tahun)

Wawancara bersama Informan 9 pada 04 Ogos 2021, bertempat di Kampung Perpaduan Gumpa, Kudat (71 tahun)

Wawancara bersama Informan 10 pada 04 Ogos 2021, bertempat di Kampung Pantai Bahagia Gumpa, Kudat (53 tahun)

Wawancara bersama Informan 11 pada 04 Ogos 2021, bertempat di Kampung Pengaraban, Kudat (43 tahun)